

Nak dapat kerja? Perlu siap hadapi temu duga

Persiapan ilmu, fizikal, mental dan penampilan memainkan peranan penting bagi calon pekerja pikat majikan

NURAFIQAH DAUD

PERSIAPAN sebelum menjalani temu duga pekerjaan penting namun ramai calon termasuk graduan universiti yang menjalani sesi temu duga bersama bakal majikan gagal berbuat demikian – sekali gus menyukarkan peluang mereka mendapatkan pekerjaan.

Selain persiapan, calon juga perlu mempunyai penampilan yang baik – dalam dunia nyata dan juga di alam siber.

Selain berpakaian kemas, calon juga dinasihatkan supaya memastikan akaun media sosial mereka tidak mengandungi unsur kurang sihat yang boleh menjejaskan peluang pekerjaan mereka.

Demikian antara nasihat beberapa ketua korporat dan karyawan kepada graduan yang bakal melangkah masuk ke alam pekerjaan.

Encik Alwi Hafiz, Penasihat Kemampunan di Golden Veroleum Liberia, yang sebelum ini pernah memegang beberapa jawatan kepimpinan seperti Pengarah Urusan Asean BSI memerhatikan kurang persiapan sebelum menjalani temu duga kerja merupakan antara kesilapan utama calon kerja.

Proses temu duga memang sesuatu yang menggerunkan bagi calon terutama sekali bagi mereka yang kurang pasti tentang cara memasuki alam pekerjaan.

Namun Encik Alwi berkata penyelidikan tentang jawatan atau bakal majikan merupakan satu persiapan asas.

“Terutama sekali, bagi pekerjaan yang dikehendaki ramai, ramai graduan gagal mempamerkan bahawa mereka tahu tentang jawatan yang dimohonkan atau tentang syarikat itu secara umum. Buatlah penyelidikan dan tanya kepada mereka yang pernah bekerja di syarikat itu,” tambah Encik Alwi.

Dengan adanya kemudahan Internet, calon misalnya boleh membuat penyelidikan yang sewajarnya tentang sesebuah syarikat.

Anggota Parlimen GRC Chua Chu Kang Encik Zaqy Mohamed berkata la-



HADAPI TEMU DUGA: Calon kerja dinasihatkan agar mendapatkan nasihat mereka yang pernah menjalani temuduga selain membuat persiapan seperti memastikan penampilan yang rapi demi mencerahkan peluang mendapatkan pekerjaan. – Foto hiasan

man LinkedIn misalnya boleh digunakan calon untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang jawatan yang dimohon, syarikat dan juga pegawai kanan syarikat berkenaan.

“Calon kerja yang berupaya mempamerkan pengetahuan yang mendalam tentang kegiatan syarikat dan juga mengenai perkembangan semasa akan meninggalkan kesan positif kepada bakal majikan semasa temu duga,” kata Encik Zaqy yang juga Pengarah Akaun & Pembangunan Perniagaan Asean EY.

Beliau juga memberi nasihat supaya calon elak daripada bersikap defensif semasa menjawab pertanyaan sukar.

“Kadangkala soalan sukar itu diajukan untuk menguji bagaimana calon menangani tekanan.

“Beberapa pekerjaan memerlukan

pekerjanya berupaya menangani tekanan dan bakal majikan mahu memerhatikan bagaimana calon pkerja mereka boleh bertindak balas dalam situasi yang tertekan,” jelasnya.

Latihan menghadapi temu duga juga penting, kata Timbalan Pengarah Hab Operasi Bersepadu, di Kementerian Kesihatan Dr Hishamuddin Badaruddin.

“Calon patut buat persediaan dan berlatih berulang kali. Fikirkan soalan-soalan yang mungkin akan ditanya.

“Kebiasaan, soalan yang sering ditanya ialah, kekuatan dan kelemahan individu, soalan teknikal dan pengalaman lalu.

“Kemudian, fikirkan tentang bagaimana hendak meyakinkan peneuduga bahawa anda calon yang tepat bagi jawatan itu.”

Beliau menambah: “Siapkan sena-

rai soalan yang akan ditanya oleh peneuduga. Persiapan ini sepatutnya dilakukan sekurang-kurangnya seminggu sebelum temu duga. Bersikap positif, kelihatan yakin dah jangan panik.”

Tambahan juga, visi kerjaya dan juga penyumbangan graduan kepada syarikat juga sering ditanya dan jawapan pada soalan tersebut patut difikirkan dari awal lagi.

Pakar Kardiologi Dr Abdul Razakir Omar pula menawarkan lima nasihat kepada pemohon kerja.

Persiapan dan pemakaian yang rapi, persiapan fizikal, persiapan mental, penyelidikan.

“Salah satu persiapan penting ialah mengadakan perbincangan dengan mereka yang pernah melalui temu duga yang serupa,” ujarinya.

Penulis pelajar tahun akhir Universiti London (Institut Pengurusan Singapura)